☑ Harian Metro
☐ Metro Ahad

Tarikh: 18/4/2012
Hari: Rabu M/S: 8
Ruangan: Setempat

FOTO | Rusul Shafiee Jemenan



BINCANG...Mior Kamarul (dua dari kiri) dan Mustapa (tiga dari kiri) bersama pelawat UUM, semalam.

Staf UUM lawat NSTP

KUALA LUMPUR: Seramai 16 pegawai dari Unit Komunikasi Korporat dan Pusat Pengajian Multimedia dan Komunikasi, Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah mengadakan lawatan ke Balai Berita Bangsar, The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) di sini, semalam.

Pengarah Unit Komunikasi Korporat UUM, Azhar Kasim berkata, lawatan yang turut disertai beberapa penyarah itu bertujuan untuk memahami proses penerbitan akhbar keluaran NSTP.

"Lawatan ini pada masa sama adalah untuk mengeratkan hubungan sedia terjalin antara pihak universiti terbabit dengan NSTP. Kami berharap lawatan ini boleh membantu kami bagaimana mengurus pihak media dengan lebih berkesan," katanya.

Katanya, rombongan itu akan berkongsi segala maklumat berkaitan kewartawanan dan proses menghasilkan berita kepada pelajar Pusat Pengajian Multimedia dan Komunikasi selepas ini.

Sementara itu, anggota rombongan turut ditayangkan video korporat NSTP dan mengenai bagaimana wartawan mencari bahan berita hingga diterbitkan di kilang cetak termasuk produk dihasilkan syarikat ini kepada pembacanya.

Lawatan itu diteruskan dengan sesi soal jawab bersama Pengarang Kumpulan Harian Metro, Datuk Mustapa Omar, Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Mior Kamarul Shahid, Timbalan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Mahfar Ali, Pengarang Eksekutif Rencana Berita Harian, Zainor Said dan Ketua Unit Komunikasi Korporat, NSTP, Wan Abdillah Wan Nawi.